

| | | | |
|-------------|---|------------|----------------|
| Headline | SuriaKU ke seluruh negara melalui MySuria | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Language | Malay |
| Date | 22 Oct 2016 | Readership | 563,000 |
| Circulation | 171,663 | Page No | 15 |
| Section | Dlm Negeri | Journalist | BADRUL HAFIZAN |
| ArticleSize | 1571 cm ² | | |
| PR Value | RM 94,005 | | |



SuriaKU ke seluruh negara melalui MySuria

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**

pengarang@utusan.com.my

■ PADANG BESAR 21 OKT.

Inisiatif SuriaKU iaitu konsep dasas menggunakan tenaga boleh diperbaharui dan teknologi hijau yang telah dijalankan dengan jaya-jaya melalui program perintis di Pauh, Perlis akan dilaksanakan di seluruh negara bermula 2017.

Program SuriaKU ‘Sinaran di Koridor Utara’ adalah bertujuan meningkatkan taraf sosio-ekonomi bagi golongan berpendapatan rendah (B40) dan membantu menaikkan taraf hidup mereka kepada kelas pertengahan (M40) dengan memanfaatkan sumber tenaga solar bagi menjana pendapatan iaitu menggunakan teknologi hijau untuk menghasilkan tenaga bersih.

Program hasil cetusan idea Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man itu dijangka dapat menjana pendapatan tambahan sehingga RM600 sebulan kepada kumpulan sasar.

Menurut Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Datuk Redza Rafiq, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa pembentangan Bajet 2017, program ini telah diumumkan sebagai Program MySuria dan akan dilaksanakan di seluruh negara.

“Bagi program perintis di Pauh ini yang telah disiapkan pada November 2015, 4kW panel solar PV (photovoltaic) telah dipasang di atas 21 buah rumah golongan B40 untuk menjana tenaga elektrik yang ke-mudiannya dijual secara terus kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

“Ini adalah sebahagian daripada inisiatif kerajaan di mana peserta SuriaKU akan menandatangani Perjanjian Pembelian Tenaga Boleh Diperbaharui (REPPA) selama 21 tahun di bawah mekanisme Tarif Galakan atau Feed-In-Tariff (FiT),” katanya.

Katanya, melalui inisiatif ini, golongan B40 akan menikmati pendapatan tambahan secara purata sehingga RM600 sebulan yang dijamin berterusan selama 21 tahun akan datang.

NCIA dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Kerajaan Negeri Perlis dan syarikat peneraju sektor swasta, Gading Kencana Sdn. Bhd. (GKSB) telah bekerjasama bagi menjayakan inisiatif ini.

Menurut Azlan, pihaknya ber-rasa gembira dengan Program Perintis SuriaKU yang telah berjaya memberi manfaat kepada kira-kira 84 penerima atau isi rumah serta mewujudkan 15 pekerjaan hijau untuk masyarakat setempat di Pauh.

“Untuk fasa seterusnya yang dirancang bagi 2017, lebih 100 buah rumah di negeri ini akan diberi peluang untuk mendapat pendapatan tambahan dengan memanfaatkan cahaya matahari semula jadi yang kaya di Perlis.”

“Objektif SuriaKU adalah selaras dengan Rancangan Malaysia

ke-11 (RMK-11), di mana tumpuan akan diberikan kepada peningkatan peluang ekonomi dan penyertaan kumpulan B40 untuk memastikan kemakmuran Malaysia boleh dikongsi oleh semua rakyat Malaysia. Seperti yang termaktub dalam RMK-11, dengan peningkatan taraf hidup kumpulan B40 ini, Malaysia akan mengambil langkah besar ke arah menjadi sebuah negara maju dan lebih inklusif,” katanya.

Sementara itu, pelaksanaan di seluruh negara akan membantu menjana pendapatan sampingan untuk 1,620 isi rumah, dengan kapasiti FiT sebanyak 6.48 mW. Jumlah pembiayaan untuk negara adalah sebanyak RM81 juta dengan 50

peratus pembiayaan awam dan 50 peratus pembiayaan swasta.

Bagi Mahamood Mat Saman, 70, yang telah bersara sebagai tukang kebun, program SuriaKU merupakan suatu rahmat bagi seluruh keluarganya yang menetap di Pauh.

“Oleh sebab saya sudah berumur 70 tahun, saya tidak mempunyai pilihan selain terpaksa bersara sebagai tukang kebun. Setelah itu, saya menoreh getah dan mengutip buah pinang untuk dijual. Tetapi tidak mencukupi untuk menampung keluarga saya dan empat cucu saya yang masih bersekolah.”

“Hasil sumbangan yang diterima melalui program SuriaKU telah membantu memenuhi keperluan harian kami di rumah. Kami amat bernasib baik kerana telah menerima bantuan NCIA dan kerajaan negeri Perlis,” katanya.

Sementara itu, Zaleha Mat Din yang merupakan penoreh getah berkata, pendapatannya dan suami sentiasa bergantung kepada keadaan cuaca yang tidak menentu.

“Pendapatan kami hasil menoreh getah merosot akibat harga getah yang jatuh teruk. Apabila cuaca panas melampau, susu getah sangat sedikit dan jika hujan lebat pula, kami tidak dapat keluar menoreh.”

“Anak-anak kami masih belajar di sekolah dan kolej. Kami amat berterima kasih untuk program SuriaKU ini yang dapat memenuhi keperluan harian kami terutamanya untuk membayar yuran pengajian anak-anak,” katanya.

| | | | |
|-------------|---|------------|----------------|
| Headline | SuriaKU ke seluruh negara melalui MySuria | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Language | Malay |
| Date | 22 Oct 2016 | Readership | 563,000 |
| Circulation | 171,663 | Page No | 15 |
| Section | Dlm Negeri | Journalist | BADRUL HAFIZAN |
| ArticleSize | 1571 cm ² | | |
| PR Value | RM 94,005 | | |



Objektif SuriaKU adalah selaras dengan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11), di mana tumpuan akan diberikan kepada peningkatan peluang ekonomi dan penyertaan kumpulan B40 untuk memastikan kemakmuran Malaysia boleh dikongsi oleh semua rakyat Malaysia.”

DATUK SERI AZLAN MAN
Menteri Besar Perlis



Ini adalah sebahagian daripada inisiatif kerajaan di mana peserta SuriaKU menandatangani Perjanjian Pembelian Tenaga Boleh Diperbaharui (REPPA) selama 21 tahun di bawah mekanisme Tarif Galakan atau Feed-In-Tariff (FiT).”

DATUK REDZA RAFIQ
Ketua Eksekutif NCIA

| | | | |
|-------------|---|------------|----------------|
| Headline | SuriaKU ke seluruh negara melalui MySuria | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Language | Malay |
| Date | 22 Oct 2016 | Readership | 563,000 |
| Circulation | 171,663 | Page No | 15 |
| Section | Dlm Negeri | Journalist | BADRUL HAFIZAN |
| ArticleSize | 1571 cm ² | | |
| PR Value | RM 94,005 | | |



ZALEHA MAT DIN (dua dari kanan) antara penerima Inisiatif SuriaKU yang menikmati pendapatan tambahan secara purata sehingga RM600 sebulan secara berterusan selama 21 tahun akan datang.

| | | | |
|-------------|---|------------|----------------|
| Headline | SuriaKU ke seluruh negara melalui MySuria | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Language | Malay |
| Date | 22 Oct 2016 | Readership | 563,000 |
| Circulation | 171,663 | Page No | 15 |
| Section | Dlm Negeri | Journalist | BADRUL HAFIZAN |
| ArticleSize | 1571 cm ² | | |
| PR Value | RM 94,005 | | |



PÉRALATAN seperti inverter, kotak kombinasi dan kotak flus yang dipasang untuk sistem penjanaan tenaga solar.



| | | | |
|-------------|---|------------|----------------|
| Headline | SuriaKU ke seluruh negara melalui MySuria | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Language | Malay |
| Date | 22 Oct 2016 | Readership | 563,000 |
| Circulation | 171,663 | Page No | 15 |
| Section | Dlm Negeri | Journalist | BADRUL HAFIZAN |
| ArticleSize | 1571 cm ² | | |
| PR Value | RM 94,005 | | |



BUMBUNG-BUMBUNG rumah rakyat kumpulan B40 dipasang panel solar PV (fotovolta) untuk menjana tenaga elektrik yang kemudiannya dijual secara terus kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).